



Ministry of Industry and Primary Resources

## UCAPAN

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim  
Dato Paduka Haji Bakar**  
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

*Sempena :*  
**Seminar Koperasi**  
**(Ke Arah Dimensi Baru Gerakan Koperasi)**

*Bertempat :*  
**Dewan Setia Pahlawan**  
**Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama**

*Pada :*  
**Hari Khamis,**  
**22 Syaaban, 1433 / 12hb., Julai, 2012**

**BISMILLAHIRAHMANIRRAHIM**

Yang Mulia Awang Haji Metassan bin Haji Abd Salim, Pemangku Pengarah BINA selaku **Pengerusi Majlis**;

Yang Berbahagia Dato' Seri Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan, Timbalan Pengerusi Ekesutif Swiftlet Eco Park Berhad, Malaysia;

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara;

Yang Dimuliakan Pehin-Pehin;

Yang Mulia Dato-Dato;

Yang Mulia Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; Pegawai-pegawai kanan; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Koperasi; Hadirin hadirat yang peramba / kaola / saya hormati sekalian.

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA**

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu waTa'ala, selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallullahu Alaihi wassalam, Keluarga serta sahabat dan juga pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu waTa'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya juga, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di Majlis Seminar Koperasi – Ke Arah Dimensi Baru Gerakan Koperasi pada pagi ini.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan BINA kerana dapat menganjurkan Seminar ini, dan merakamkan ucapan terima kasih kerana mengundang saya selaku tetamu kehormat bagi Majlis ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada hadirin dan hadirat sekalian di atas keluangan masa yang diberikan bagi sama-sama menghadirkan diri di Seminar Koperasi pada pagi ini.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

Gerakan koperasi di Negara Brunei Darussalam secara rasminya telah mencapai usianya 37 tahun sejak penubuhan Jabatan Kemajuan Kerjasama pada tahun 1975. Sehingga Disember 2011, sebanyak 160 buah koperasi masih berdaftar di bawah Akta Koperasi Penggal 84.

Gerakan koperasi memainkan peranan yang signifikan bagi mewujudkan masyarakat yang mampan, bersatu padu dan bekerjasama dalam membangun sosio-ekonomi dan budaya.

Untuk itu, kita melihat koperasi mempunyai potensi dan wajar dijadikan sebagai alternatif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang memerlukan penglibatan dan dokongan orang ramai.

Sesuai dengan keperluan tersebut, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui BINA akan berusaha untuk mempastikan perkembangan gerakan koperasi di Negara ini akan terus berkembang maju serta mencapai matlamatnya sebagai pertubuhan yang berkualiti dan seterusnya menjadikannya sebagai sektor ketiga dalam menjana pertumbuhan ekonomi Negara.

Untuk mendokong hasrat tersebut, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui BINA adalah dalam proses pemindaan Akta Koperasi selaras dengan perkembangan masa kini. Melalui pemindaan Akta ini, ianya akan:

- Membolehkan bagi penubuhan '**koperasi peringkat menengah**' (secondary co-operatives) yang akan menjadi satu mekanisma yang membenarkan bagi sekurang-kurangnya dua buah koperasi asas untuk menjadi ahli. Melalui mekanisma ini, kita melihat akan terjana 'sinergi' yang akan mendatangkan banyak faedah, umpamanya, dari segi pengurusan pasaran, pengurusan pembekalan barang-barang, pembesaran saiz pasaran dan sebagainya.
- Membolehkan penubuhan '**apex body**' (tertiary cooperatives) berstatus 'non-government organisation' yang akan berperanan selaku payung kepada koperasi-koperasi lain. Dengan penubuhan 'apex body' tersebut, ianya adalah selaku wakil kepada koperasi-koperasi lain dalam peranggotaan Negara Brunei Darussalam untuk menjadi ahli kepada '**International Cooperative Alliance**' (**ICA**).

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama adalah juga dalam proses penyusunan semula struktur organisasinya secara menyeluruh. Untuk memastikan perkembangan gerakan koperasi akan dapat ditumpukan sepenuhnya, maka Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah menubuhkan sebuah pusat yang digelar **Pusat Pembangunan Koperasi**.

Dengan penubuhan Pusat ini, maka pemberian perkhidmatan khusus untuk gerakan koperasi akan dapat ditingkatkan, mencakupi:

- Perkhidmatan kawal selia dan bimbingan;
- Perkhidmatan latihan dan pendidikan;
- Perkhidmatan keusahawanan; dan
- Perkhidmatan pengauditan.

Dengan peningkatan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, kita seterusnya berharap gerakan koperasi akan memanfaatkannya demi untuk mengembangmajukan aktiviti perusahaan dan perniagaan koperasi-koperasi.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

Menyentuh **Sambutan Hari Koperasi Antarabangsa 2012 (International Year of Cooperatives (IYC) 2012)** yang telah diisytiharkan oleh United Nation, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui BINA telah menyusun beberapa program untuk dijalankan sepanjang tahun ini. Program-program tersebut adalah sangat bertepatan dengan usaha-usaha untuk membudayakan konsep asas gerakan koperasi iaitu '**Pendidikan, Perekonomian dan Perpaduan**'.

Untuk itu, dalam kesempatan ini saya mengalu-alukan supaya koperasi-koperasi akan ikut serta dan melibatkan diri dalam program-program yang akan dijalankan itu nanti.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

Seminar koperasi – “**Kearah Dimensi Baru Gerakan Koperasi**” pada pagi ini akan membentangkan sembilan (9) kertaskerja. Ini termasuklah pembentangan kertas kerja daripada syarikat luar negara iaitu Malaysia; daripada agensi kerajaan dan juga daripada koperasi-koperasi. Pembentangan kertaskerja tersebut akan mengongsikan aspek-aspek menarik mencakupi bidang perusahaan; bidang perundangan; rekacipta; dan juga tinjauan ke atas kejayaan-kejayaan koperasi. Ini setentunya akan membuka minda dan menambah ilmu pengetahuan kepada koperasi-koperasi untuk lebih bersikap terbuka dan proaktif dalam meningkatkan sistem pengurusan dan juga usaha-usaha bagi mencari peluang-peluang perniagaan yang lebih mencabar.

**Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,**

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya ini sukacita sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada jawatankuasa penganjur seminar ini diatas undangan bagi saya menjadi Tetamu kehormat Majlis pada pagi ini.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu’alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.